

02 JANUARI 2018

Juruterbang Malaysia ditahan positif dadah

Juruterbang Malaysia ditahan positif dadah

KUALA LUMPUR - Seorang juruterbang syarikat Malindo Air yang merupakan warganegara Malaysia ditahan selepas didapati positif dadah jenis syabu sewaktu berada di Batam, Indonesia pada 29 Disember lalu.

Juruterbang tersebut ditahan selepas melakukan ujian air kencing yang dijalankan oleh Badan Narkotika Nasional Provinsi (BNNP) Kepulauan Riau di Lapangan Terbang Antarabangsa Hang Nadim di Batam.

Memetik laporan *Kompas.com*, juruterbang tersebut telah bermalam di Batam sebelum berlepas ke Lapangan Terbang Subang pada 31 Disember lalu.

"Juruterbang berkenaan mengaku memasukkan syabu ke dalam badan sebelum bertolak ke Batam, malah turut mengakui bahawa peralatan menghisap dadah berserta bungkusan aluminium mengandungi 1.9 gram yang ditemui anggota BNNP adalah miliknya.

"Segala peralatan dan bungkusan aluminium mengandungi syabu yang disimpan di dalam bekas cermin mata telah dibuang ke dalam tandas lapangan terbang oleh juruterbang tersebut setelah menyedari terdapat pemeriksaan yang dijalankan," kata laporan itu.

Walau bagaimanapun, cubaan *Kosmo!* untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak Malindo Air setakat malam tadi tidak berjaya.